

**PENYERAHAN DOKUMEN BAGI SIJIL PENDAFTARAN
SEMENTARA UNTUK PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD41
(KONTRAK) BILANGAN 2/2022**

Dimaklumkan seramai **517** orang calon Pegawai Perubatan Siswazah UD41 (Kontrak) telah terpilih dalam **Program Transformasi Minda (PTM)** pada **tarikh 28 Mac 2022** dan nama calon yang telah disenarai pendek oleh Bahagian Sumber Manusia KKM boleh disemak melalui <https://mmc.gov.my/main.php>

(PERMOHONAN YANG TELAH DIBUAT SECARA MANUAL)

Tuan/Puan yang terlibat dengan sesi PTM tersebut dikehendaki MENGHANTAR DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI BERIKUT SECARA EMEL KEPADA UNIT PENDAFTARAN SEMENTARA MPM KE ALAMAT EMEL: provisional.mmc@gmail.com

ATAU

(PERMOHONAN YANG DIBUAT MELALUI SISTEM MERITS)

MUAT NAIK KE DALAM SISTEM MeRITS (bagi yang telah memohon Surat Layak Daftar melalui MeRITS):

- i. **Salinan Kad Pengenalan yang disahkan benar** bagi setiap halaman bercetak.
- ii. **Salinan Surat Tawaran dari KKM yang disahkan benar** bagi setiap halaman bercetak.
- iii. **Salinan Ijazah Perubatan Atau Transkrip Akhir Perubatan** (ditandatangani oleh Presiden, Senat, Rektor atau Pendaftar Universiti) **yang disahkan benar** bagi setiap halaman bercetak.
- iv. **Terjemahan daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) (ASAL)** (Jika dokumen iii adalah selain daripada Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)
- v. **Surat Akuan Sumpah (ASAL)** (Jika nama pada dokumen ii, iii & iv berbeza dengan nama pada Kad Pengenalan)

Nota: Sila rujuk garis panduan *MMC Guideline for Document Verification* (<https://mmc.gov.my/wp-content/uploads/2019/11/Guideline-doc-verify.pdf>) bagi dokumen yang **disahkan benar**.

Tuan/puan boleh menyemak senarai nama di capaian <https://mmc.gov.my/main.php>.

Tuan/Puan juga dikehendaki menyemak **Tindakan Pengamal** yang tertera dalam SENARAI NAMA SESI PENYERAHAN DOKUMEN PENDAFTARAN SEMENTARA BIL. 2/2022 untuk tindakan penyerahan dokumen seperti berikut:

BAGI ARAHAN: SILA EMEL DOKUMEN PENYERAHAN DI EMEL SEMENTARA

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mengemukakan dokumen penyerahan seperti yang tertera di atas melalui emel mulai pada tarikh **10 MAC 2022 HINGGA 20 MAC 2022**.

Sila EMEL dokumen berkenaan ke alamat email provisional.mmc@gmail.com

ATAU

BAGI ARAHAN: SILA DAFTAR SEMULA DAN MUATNAIK DOKUMEN PENYERAHAN MELALUI MeRITS

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mendaftar semula, memohon *Provisional Registration Certificate* dan memuat naik dokumen penyerahan seperti di atas melalui Sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) mulai pada tarikh **10 MAC 2022 HINGGA 20 MAC 2022**

Sila ke pautan <http://meritsmmc.moh.gov.my/>

MAKLUMAN PENTING!!

BAGI PENGAMAL YANG PERLU MENGEMUKAKAN DOKUMEN MELALUI EMEL

Sila **EMELKAN** dokumen berkenaan ke alamat email **provisional.mmc@gmail.com**

SILA JANGAN LOGIN ATAU DAFTAR AKAUN MERITS sebelum pihak tuan/puan menerima pemakluman emel berkenaan penerimaan dokumen oleh MPM. Selepas dimaklumkan oleh pihak MPM, pihak tuan/puan boleh mengakses Sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) di laman **<http://meritsmmc.moh.gov.my/>** dan mendaftar dengan memasukkan nombor Kad Pengenalan untuk mengaktifkan akaun MeRITS seperti tarikh yang ditetapkan.

- **Sijil Pendaftaran Sementara boleh dimuat turun dan dicetak sendiri melalui Sistem MeRITS setelah pemakluman melalui emel dibuat oleh pihak MPM.**
- **Sijil Pendaftaran Sementara yang dimuat turun dan dicetak sendiri adalah sah digunapakai di sisi undang-undang.**

- Sila isi alamat (di bahagian Biodata) dengan maklumat yang betul di setiap bahagian **Address, Postcode, State Dan City** tanpa tanda **comma (,)** di penghujung perenggan dan pengulangan maklumat.

Contoh Pengisian Alamat Yang Betul:

Address	NO.26, JALAN 5/13A TAMAN BUKIT SETIA JAYA (JANGAN ISI POSTCODE, STATE, CITY DI RUANG INI)
Postcode	48000
State	SELANGOR
City	RAWANG

PERINGATAN!

KEGAGALAN MENYERAHKAN DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI YANG DISENARAIKAN DALAM JANGKA MASA YANG DITETAPKAN BOLEH MENGAKIBATKAN PENGELUARAN **SIJIL PENDAFTARAN SEMENTARA TUAN/PUAN TERGENDALA SEBELUM SESI PTM.**